

When you need  
**to be sure**



Tatakelakuan pembekal SGS

**SGS**

# Isi kandungan

- 3 Mesej daripada ketua pegawai eksekutif
- 4 Pengenalan
- 4 Tujuan
- 4 Skop dan pelaksanaan
- 5 4 Prinsip asas tatakelakuan pembekal SGS
- 9 Rujukan

# Mesej daripada Ketua pegawai eksekutif

## **KEPADA PARA PEMBEKAL YANG DIHORMATI,**

SGS menerajui kelestarian menerusi rantaian nilai keseluruhannya dan menerbitkan laporan yang berkala serta jujur mengenai prestasi kelestarian korporatnya. Para pembekal merupakan pihak yang begitu penting bagi SGS dan kami komited untuk melibatkan diri dalam dialog yang berterusan untuk mencapai standard tertinggi dalam bidang sosial, ekonomi dan alam sekitar.

Tatakelakuan Pembekal Pembekal SGS ( "Kod") ini menyatakan dasar pendekatan penyumberan bertanggungjawab kami. Ia mentakrifkan bukan sahaja standard minimum yang tidak boleh dirunding yang kami minta kepada para pembekal kami untuk menghormati perkara tersebut semasa menjalankan urusan perniagaan dengan SGS tetapi juga ungkapan nilai yang dikongsi di seluruh SGS, pelbagai perniagaan serta afiliasinya dan kami amat menggalakkan para pembekal kami untuk mematuhiinya.

Sebagai peneraju industri, kami berpegang teguh pada standard tertinggi tingkah laku profesional. Kami percaya bahawa Kod ini memudahkan pelaksanaan agenda kelestarian kami, menjurus kepada tingkah laku yang telus dan beretika serta meningkatkan kredibiliti SGS dalam pengurusan kelestarian dan kepimpinan korporat.



Géraldine Picaud  
Chief Executive Officer

# Pengenalan

## Tujuan

Kod tersebut dibangunkan berdasarkan 6 prinsip perniagaan dan 10 prinsip panduan SGS untuk perniagaan yang lestari. Ia disusun mengikut empat Prinsip Kelestarian – **Kecemerlangan Profesional, Kakitangan, Alam Sekitar dan Masyarakat** – Prinsip-prinsip Kelestarian memperkuuhkan nilai-nilai yang membentuk budaya SGS. Sifat amanah, kejujuran dan ketelusan, akauntabiliti, keadilan dan rasa hormat masih kekal relevan pada hari ini semenjak SGS ditubuhkan lebih daripada 140 tahun yang lalu.

Prinsip Kelestarian yang digariskan dalam Kod ini telah dibangunkan melalui perundingan dengan pengurus di seluruh perniagaan serta pihak berkepentingan dari luar. Mereka juga telah ditanda aras di peringkat antarabangsa berbanding rangka kerja amalan terbaik yang diiktiraf. Kami mendasarkan komitmen Hak Asasi Manusia kami kepada Rang Undang-undang Hak Asasi Manusia yang terdiri daripada Deklarasi Hak Asasi Manusia PBB, Perjanjian Antarabangsa mengenai Sivil dan Hak Politik, Perjanjian Antarabangsa mengenai Ekonomi, Sosial dan Hak Kebudayaan, serta konvensyen

asas Pertubuhan Buruh Antarabangsa mengenai Hak di Tempat Kerja. Kami menyokong Garis Panduan OECD untuk Perusahaan Multinasional.

Akhir sekali, Prinsip Kelestarian ini mencerminkan isu kelestarian yang paling penting untuk SGS, seperti yang dianalisis melalui proses materialiti yang komprehensif, dan dinyatakan dalam materialiti matriks yang terhasil. Setiap satu daripada Prinsip Kelestarian disokong oleh dasar kami dan Kod Integriti SGS, yang secara rasmi dipantau untuk memastikan pematuhan kepada standard ketat SGS tersebut.

## Skop dan pelaksanaan

Kod ini terpakai kepada semua pembekal SGS (ditakrifkan sebagai orang atau syarikat yang membekalkan produk atau perkhidmatan kepada SGS) dan sekutu mereka dan terpakai kepada semua produk dan perkhidmatan yang dibeli oleh SGS. Kami sangat menggalakkan pembekal kami untuk mempromosikan keperluan Kod ini dalam rantaian bekalan mereka sendiri, dan akan memberi pengiktirafan kepada para pembekal yang melakukan perkara tersebut.

### BAGAIMANA KAMI BEKERJASAMA DENGAN PEMBEKAL KAMI

Kami mempunyai jaringan pembekal yang luas dan pelbagai. Kami telah membangunkan proses 3 peringkat yang komprehensif tetapi fleksibel untuk mengenal pasti, menilai dan menguruskan risiko dalam rantaian bekalan kami, seperti yang ditakrifkan oleh 4 prinsip kelestarian kami. Ia membolehkan kami memberi tumpuan kepada bidang-bidang risiko yang paling besar dan potensi keuntungan yang besar. Ia membolehkan kami bekerjasama dengan pembekal kami untuk mengurangkan risiko dan memaksimumkan manfaat.

#### Peringkat 1- penyaringan

Kami menjalankan penyaringan awal pembekal kami dengan mempertimbangkan kriteria berikut:

- Negara asal untuk mempertimbangkan kemungkinan risiko terhadap hak asasi manusia atau amalan buruh

- Jenis sub-kategori barang atau perkhidmatan yang disediakan oleh pembekal
- Perbelanjaan setiap tahun oleh pembekal

#### Peringkat 2- pra-kelayakan

'Proses pra-kelayakan' perolehan standard global kami termasuk soal selidik penilaian kendiri yang meliputi beberapa soalan utama dalam keperluan SGS untuk pembekal yang dinyatakan di bawah empat Prinsip Kelestarian kami. Kami menggunakan soal selidik ini untuk pembekal baharu yang berpotensi dan yang sedia ada, secara berkala.

#### Peringkat 3- audit

Pembekal yang dinilai mempunyai risiko berpotensi tertinggi (berdasarkan dua peringkat terdahulu) akan diaudit berdasarkan standard yang telah ditetapkan oleh SEDEX.

### PENAMBAHBAIKAN & PEMANTAUAN BERTERUSAN

Memenuhi standard yang ditetapkan dalam Kod ini adalah proses yang dinamik dan SGS menggalakkan para pembekal untuk terus menambahbaik operasi mereka. Sekiranya penambahbaikan diperlukan, SGS akan memberikan cadangan mengenai penubuhan peristiwa penting dan sistem untuk mencapai amalan yang mandatori dan pilihan.

SGS akan terus memantau pematuhan pihak pembekal terhadap standard yang ditetapkan di dalam Tatakelakuan ini dengan meminta pihak pembekal untuk menyediakan maklumat yang relevan dan

melalui audit oleh pihak ketiga dan lawatan oleh kakitangan SGS.

SGS mempunyai hak untuk menamatkan perjanjian dengan mana-mana pembekal yang tidak mematuhi Kod.

### MENGUTARAKAN KEBIMBANGAN

SGS menetapkan dirinya sendiri, sekutunya, pegawai dan kakitangannya untuk mematuhi standard etika tertinggi yang terkandung dalam Kod Integriti SGS. Jika atas apa-apa sebab, pihak pembekal mempunyai kebimbangan mengenai kemungkinan berlaku pelanggaran Kod Integriti SGS oleh wakil SGS, mereka boleh membangkitkan perkara tersebut dengan Ketua Pegawai Pematuhan SGS di:

SGS SA / untuk Perhatian

SGS Chief Compliance Officer / 1 Place des Alpes, P.O. Box 2152, CH – 1211 Geneva 1 Atau melalui Talian Bantuan Integriti kami:

[integrityhelpline.sgs.com](http://integrityhelpline.sgs.com)

Telefon +1 (800) 461-9330 (nombor bebas tol/talian dibuka 24 jam, setiap hari)

+41 (0)22 739 91 00

Faks +41 (0)22 739 98 81 (talian dijawab semasa waktu perniagaan di Geneva)

SGS akan memastikan bahawa tiada seorang pembekal menghadapi sebarang bentuk tindakan balas atau akibat yang buruk kerana telah membuat laporan dengan niat yang ikhlas mengenai pelanggaran Kod Integriti SGS.

# 4 Prinsip-prinsip asas tatakelakuan pembekal SGS

## KECEMERLANGAN PROFESIONAL - MEMASTIKAN INTEGRITI

SGS mengekalkan tahap tertinggi integriti. Reputasi kami telah dibina sejak beberapa dekad dengan pematuhan yang tidak berbelah bahagi terhadap nilai-nilai kami, dan kami mempunyai tanggungjawab terhadap para pelanggan kami dan antara satu sama lain untuk mengekalkan standard tinggi tersebut.

Oleh itu, kami mengharapkan setiap pembekal menghormati nilai-nilai kami.

## PEMATUHAN UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN

Pembekal hendaklah mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang berkenaan di mana mereka beroperasi. Ini termasuk undang-undang dan keperluan alam sekitar di negara-negara di mana pembekal beroperasi dan undang-undang antarabangsa (termasuk yang berkaitan dengan perdagangan antarabangsa, perlindungan data dan undang-undang anti-amanhah/persaingan).

Selain itu SGS menggalakkan pembekalnya untuk berusaha mematuhi standard antarabangsa dan industri serta amalan terbaik.

Pembekal dikehendaki untuk bekerjasama sepenuhnya dengan mana-mana penyiasatan dalaman atau luaran yang diberi kuasa dengan sewajarnya dan tidak boleh menahan, mengganggu atau gagal untuk menyampaikan maklumat berkaitan yang berkaitan dengan penyiasatan yang yang diberi kuasa.

Sekiranya peruntukan undang-undang dan Kod ini menangani subjek yang sama, peruntukan yang memberi perlindungan yang lebih besar hendaklah digunakan.

## SOGOKAN DAN RASUAH

Rasuaht, pemerasan, dan penggelapan, dalam apa-apa bentuk, adalah dilarang sama sekali. Sogokan atau cara lain untuk mendapatkan kelebihan yang tidak wajar hendaklah tidak ditawarkan atau diterima. Pembekal hendaklah mempunyai tatakelakuan di seluruh syarikat, termasuk langkah-langkah untuk menghapuskan rasuaht serta prosedur pemberian maklumat yang sesuai.

Dalam apa juga keadaan pihak pembekal adalah dilarang untuk menawarkan rasuaht atau bayaran pemudahan, atau memberikan apa-apa kelebihan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, atau menawarkan sebarang hadiah atau hiburan kepada penjawat awam dengan tujuan mempengaruhi keputusannya, atau menggalakkan pembekal untuk mendapatkan kelebihan yang tidak wajar untuk SGS.

Pelanggaran prinsip-prinsip ini akan menyebabkan penamatian serta-merta hubungan perniagaan dengan SGS dan boleh dilaporkan kepada pihak berkuasa yang berkenaan.

## KONFLIK KEPENTINGAN

Dalam urusan mereka dengan SGS, pihak pembekal hendaklah mengelakkan semua konflik kepentingan.

Sejua dan mana-mana konflik kepentingan dalam urusan perniagaan dengan SGS, di mana pembekal sedar, hendaklah diisyiharkan kepada SGS bagi membolehkan SGS untuk mengambil tindakan yang sewajarnya. Khususnya, pihak pembekal adalah dilarang untuk menawarkan apa-apa bayaran atau kelebihan peribadi kepada mana-mana pekerja atau wakil SGS sebagai pertukaran untuk menjalankan perniagaan dengan SGS.

Pembekal digalakkan melaporkan kepada Ketua Pegawai Pematuhan SGS mengenai sebarang permintaan atau percubaan oleh kakitangan SGS untuk mendapatkan kelebihan peribadi.

## REKOD KEWANGAN, WANG HARAM DAN PERDAGANGAN PIHK DALAMAN

Semua urusan perniagaan dan komersial hendaklah direkodkan dengan nama penjual, pembekal kontrak atau pihak ketiga yang lain dan kami mengharapkan kerjasama penuh dalam kes audit dan akses kepada bukti. Tiada maklumat sulit dalam pemilikan pihak pembekal berkenaan SGS akan digunakan sama ada untuk melibatkan atau menyokong perdagangan pihak dalaman.

## MELINDUNGİ ASET SGS, MAKLUMAT DAN HARTA INTELEK

Pembekal mempunyai kewajipan untuk melindungi dan untuk menggunakan aset dan dana SGS yang sesuai di bawah kawalannya. Pembekal tidak dibenarkan menggunakan aset atau sumber SGS untuk tujuan lain daripada membekalkan barang atau perkhidmatan kepada SGS.

Semua maklumat yang disediakan oleh SGS hendaklah digunakan hanya untuk tujuan kegunaannya dan yang telah ditetapkan. Pembekal hendaklah menghormati hak harta intelek dan melindungi maklumat proprietari SGS; pemindahan teknologi dan pengetahuan hendaklah dilakukan dengan cara yang melindungi hak harta intelek.

## PERWAKILAN

Pembekal hendaklah mempunyai proses untuk memastikan bahawa perwakilan SGS oleh tenaga kerja atau wakil ejen mereka mematuhi garis panduan jenama dan dasar media sosial SGS apabila menyumbang kepada perbincangan di mana mereka merujuk kepada fakta bahawa mereka bekerja untuk SGS. Garis panduan khusus yang memerlukan pembekal untuk:

- Menggunakan pertimbangan yang baik - hanya berkongsi kandungan yang anda akan berasa selesa berkongsi dengan pengurus anda, rakan-rakan anda atau di muka depan akhbar
- Menambah nilai - apabila berkongsi kandungan yang berkaitan dengan kerja, memberikan maklumat yang berguna atau pandangan yang berkaitan dengan rangkaian anda
- Kerahsiaan adalah penting - tidak berkongsi maklumat sulit dan proprietari secara langsung atau secara bertulis atau dalam talian
- Ketelusan adalah kunci - mengenal pasti diri anda dan mengisyiharkan bahawa anda bekerja untuk SGS sekiranya membincangkan mengenai aktiviti kami
- Menghormati penonton anda - tidak melibatkan diri dalam apa-apa kelakuan yang tidak boleh diterima di tempat kerja. Tingkah laku anda hendaklah konsisten dengan Prinsip Perniagaan SGS

## ETIKA PENGENDALIAN PERNIAGAAN

Pembekal hendaklah menjalankan perniagaannya dengan menggunakan amalan pasaran yang kompetitif dan adil. Ia tidak boleh melibatkan diri dalam sebarang persefahaman atau perjanjian dengan pesaing dengan kesan berat sebelah atau mempengaruhi pasaran dengan cara yang tidak wajar di mana ia beroperasi.

Pembekal adalah dilarang untuk mendapatkan maklumat sulit mengenai pesaing dengan menggunakan cara yang tidak sah atau tidak beretika.

Apabila menyertai tender yang kompetitif untuk mendapatkan barang atau perkhidmatan kepada SGS, pembekal tidak boleh cuba untuk mencapai persefahaman dengan pesaingnya mengenai harga atau peruntukan pasaran, atau sebaliknya cuba untuk mempengaruhi secara tidak wajar proses yang kompetitif. Kegagalan untuk mematuhi prinsip ini akan menyebabkan penamatkan serta-merta hubungan perniagaan dengan SGS.

## KAKITANGAN

SGS menyokong dan menghormati perlindungan hak asasi manusia. Kami percaya dalam bertindak secara beretika dan kami menghormati maruah manusia. Kami sentiasa menilai kesan hak asasi manusia secara langsung dan tidak langsung terhadap operasi kami dan berusaha mengenali tanggungjawab kami di bawah Prinsip Panduan PBB mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia. Selain itu, kami menyediakan persekitaran kerja yang selamat dan terjamin, dan mempromosikan kesihatan dan kesejahteraan kakitangan kami. Kami memastikan bahawa kakitangan kami mempunyai latihan dan peralatan yang diperlukan untuk menjalankan tugas dengan selamat.

Oleh itu, kami berharap para pembekal kami untuk menghormati maruah dan hak asasi semua pihak yang berurusan dengan mereka, seperti kakitangan, masyarakat tempatan, pembekal dan pihak berkepentingan yang lain.

Kami juga berharap para pembekal kami supaya bertanggungjawab untuk menjaga kesihatan dan keselamatan, baik dalam organisasi mereka sendiri dan mengenai produk atau perkhidmatan yang mereka berikan. Oleh itu, SGS amat menggalakkan para pembekalnya untuk berusaha ke arah penjajaran untuk standard ISO26000.

## PENCEGAHAN BURUH PAKSA DAN PEMERDAGANGAN MANUSIA

Semua kerja hendaklah secara sukarela dan pekerja hendaklah bebas untuk meninggalkan kerja atau menamatkan perkhidmatan mereka dengan memberikan notis yang munasabah. Pembekal adalah dilarang untuk membawa masuk pekerja atau menggunakan sebarang bentuk perhambaan, buruh paksa, terikat, buruh kontrak, atau buruh penjara. Pembekal hendaklah memastikan bahawa agensi-agensi pihak ketiga menyediakan pekerja mematuhi peruntukan Kod.

## MENGGALAKKAN KEPELBAGAIAN DAN MENGELOAKKAN DISKRIMINASI

Pembekal hendaklah menghormati kepelbagaian dan telah menubuhkan program-program untuk menggalakkan kepelbagaian di seluruh rangkaian mereka. Pembekal hendaklah komited terhadap tenaga kerja yang bebas daripada gangguan dan diskriminasi yang menyalahi undang-undang. Pembekal adalah dilarang untuk terlibat dalam diskriminasi berdasarkan bangsa, warna kulit, umur, jantina, orientasi seksual, etnik, kurang upaya, kehamilan, agama, fahaman politik, keahlian kesatuan atau status perkahwinan dalam pengambilan dan amalan pekerjaan seperti kenaikan pangkat, ganjaran, dan akses kepada latihan.

## PENCEGAHAN BURUH BAWAH UMUR DAN PERLINDUNGAN PEKERJA MUDA

Buruh kanak-kanak adalah dilarang. Pembekal adalah dilarang untuk menggaji kanak-kanak. Umur minimum untuk pekerjaan atau kerja hendaklah 16 tahun, umur minimum untuk bekerja di negara itu, atau umur untuk menyelesaikan pendidikan wajib di negara itu, mana-mana yang lebih tinggi. Apabila pekerja muda (melebihi usia minimum dan berumur bawah 18 tahun) diambil bekerja, mereka tidak boleh melakukan kerja yang berbahaya dari segi mental, fizikal, sosial atau moral atau mengganggu persekolahan mereka dengan mengurangkan peluang mereka untuk bersekolah.

## UPAH YANG ADIL

Pembekal perlu membayar semua pekerja sekurang-kurangnya upah minimum yang diperlukan oleh undang-undang dan peraturan yang berkaitan dan menyediakan semua manfaat yang ditetapkan secara sah. Semua syarat pekerjaan, termasuk pampasan, waktu kerja, masa bercuti, tempoh cuti dan cuti hendaklah selaras dengan undang-undang dan peraturan yang berkenaan dan standard industri mandatori yang mana paling tinggi.

## LAYANAN YANG ADIL

Penderaan fizikal atau disiplin, ancaman penderaan fizikal, seksual atau lain-lain gangguan dan penderaan lisan atau lain-lain bentuk ugutan adalah dilarang.

Peraturan kilang dan tindakan disiplin hendaklah secara adil dan dengan jelas disampaikan kepada pekerja dalam bentuk yang mereka persetujui. Semua langkah tatatertib hendaklah direkodkan

## WAKTU BEKERJA

Dalam apa jua keadaan waktu bekerja dal seminggu hendaklah tidak melebihi jumlah maksimum yang dibenarkan di bawah undang-undang dan peraturan yang berkenaan. Semua kerja lebih masa oleh pekerja adalah secara sukarela.

Kecuali dalam situasi kecemasan atau di luar kebiasaan (cth. jadual syif) seminggu kerja hendaklah terhad kepada 60 jam, termasuk kerja lebih masa, dan pekerja hendaklah mengambil sekurang-kurangnya satu hari cuti pada setiap tujuh hari

## KEBEBASAN BERPERSATUAN DAN TAWAR-MENAWAR SECARA KOLEKTIF

Pembekal hendaklah mengiktiraf dan menghormati hak-hak pekerja untuk bebas bergaul, menyusun dan tawar-menawar secara kolektif. Dalam situasi di mana hak untuk kebebasan bersekutu dan tawar-menawar secara kolektif dibatasi di bawah undang-undang, pembekal hendaklah membenarkan pekerja bebas memilih wakil mereka sendiri.

## PENCEGAHAN KECEDERAAN PEKERJAAN

Pembekal hendaklah menghapuskan bahaya fizikal sebaik mungkin. Pembekal hendaklah mengenalpasti bahaya yang mungkin timbul, menilai siapa yang mungkin mendapat kecelakaan, menilai risiko dan membangunkan tindakan penyelesaian. Dalam semua kes, pembekal hendaklah menyediakan pekerja dengan peralatan pelindung diri yang sesuai secara percuma. Pekerja hendaklah menerima latihan kesihatan dan keselamatan secara berkala dan direkodkan, dan latihan itu hendaklah diulangi untuk pekerja baharu atau yang ditugaskan semula. Pekerja tidak akan dikenakan tindakan disiplin kerana mengutarkan keimbangan keselamatan dan hendaklah mempunyai hak untuk menolak keadaan kerja yang tidak selamat tanpa berasa takut terhadap tindakan balas sehingga pihak pengurusan menangani keimbangan mereka.

## **KEADAAN KERJA**

Persekutuan kerja yang selamat dan bersih hendaklah disediakan, dengan mengambil kira pengetahuan semasa industri dan sebarang bahaya tertentu.

Langkah-langkah yang mencukupi hendaklah diambil untuk mencegah kemalangan dan kecederaan kepada kesihatan yang timbul daripada, berkaitan dengan, atau berlaku semasa melakukan kerja, dengan meminimumkan, setakat yang munasabah dapat dilaksanakan, sebab-sebab bahaya yang wujud dalam persekitaran kerja.

Sistem lampu, pemanasan dan pengudaraan hendaklah mencukupi dalam persekitaran kerja.

Pembekal hendaklah memastikan bahawa tempat kerja adalah bersih dan semua pekerja mempunyai akses ke tandas. Tandas hendaklah diedarkan dengan sewajarnya, mencukupi dan bersih.

Penginapan, sekiranya disediakan, hendaklah bersih, selamat dan memenuhi keperluan asas pekerja.

## **PENCEGAHAN BAHAN BERBAHAYA DAN PENDEDAHAN PRODUK**

Pembekal hendaklah mengenal pasti, menilai, dan mengawal pendedahan pekerja terhadap bahan kimia, biologi dan fizikal ejen yang berbahaya dan memastikan pengendalian, pergerakan, penyimpanan, kitar semula, penggunaan semula dan pelupusan yang selamat. Pembekal hendaklah menghapuskan bahaya kimia di mana mungkin. Pembekal hendaklah menyediakan pekerja dengan alat perlindungan peribadi yang sesuai secara percuma. Pembekal hendaklah mengenal pasti bahan, bahan kimia dan bahan berbahaya.

## **PROSEDUR DAN SISTEM KESELAMATAN PEKERJAAN**

Pembekal hendaklah mewujudkan prosedur dan sistem untuk mengurus, mengesan dan melaporkan kecederaan pekerjaan dan penyakit. Prosedur dan sistem sedemikian hendaklah menggalakkan pekerja melaporkan, mengklasifikasi dan merekodkan kes-kes kecederaan dan penyakit, menyiasat kes-kes dan melaksanakan tindakan pembetulan untuk menghapuskan punca-punca mereka, menyediakan rawatan perubatan yang diperlukan, dan memudahkan pekerja kembali bekerja. SGS akan mengharapkan pembekal mempunyai dasar dan sistem pengurusan kesihatan dan keselamatannya sendiri, yang idealnya mematuhi Standard Kesihatan dan Keselamatan antarabangsa, OHSAS 18001:2007 - ISO 45001:2018

## **ALAM SEKITAR**

SGS komited untuk mencapai pertumbuhan yang lestari di samping menguruskan kesan perniagaannya. Kami menggunakan sumber asli dengan cekap dan meminimumkan sisa. Kami percaya bahawa mengembangkan perniagaan kami dan memperbaiki kesan terhadap alam sekitar hendaklah dicapai pada masa yang sama. Kesediaan kami untuk menyesuaikan diri dengan perubahan iklim akan memastikan kelestarian perniagaan kami.

Oleh yang demikian, kami mengurangkan penggunaan tenaga, mengurangkan intensiti karbon, dan melabur dalam teknologi baharu dan skim pengimbangan.

Oleh itu, kami berharap para pembekal kami untuk mencapai pertumbuhan yang lestari sementara menguruskan impak perniagaan mereka, dengan meningkatkan prestasi alam sekitar mereka. Kami juga menggalakkan penambahbaikan yang serupa di rantaian bekalan.

## **SISTEM PENGURUSAN ALAM SEKITAR**

Pembekal SGS yang aktivitinya mempunyai kesan terhadap alam sekitar hendaklah mempunyai pendekatan yang berstruktur dan sistematik untuk menguruskan aspek alam sekitar termasuk antara lain kualiti udara, tenaga, kualiti air dan penggunaan, pengurusan sisa dan bahan kimia yang bertanggungjawab. Pendekatan ini perlu mewujudkan sistem pengurusan yang sesuai untuk perlindungan alam sekitar, menetapkan sasaran dan melaksanakan aktiviti susulan. Kami mengharapkan pembekal mempunyai Sistem Pengurusan Alam Sekitar mereka sendiri, sebaik-baiknya mendapat pengiktirafan ISO14001:2015 atau standard lain yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

## **MELAKUKAN YANG LEBIH DENGAN SEDIKIT**

Kami mengharapkan pembekal untuk mencegah pencemaran dan meminimumkan penjanaan sisa, air kumbahan dan pelepasan udara akibat aktiviti perniagaannya.

Pembekal hendaklah mempunyai sistem pengurusan sisa dan menggunakan teknologi yang cekap yang bertujuan mengurangkan kesan terhadap alam sekitar sebanyak mungkin.

Sebelum membuat atau melupuskan, pembekal hendaklah mencirikan dan merawat air kumbahan sisa pepejal dan sisa berbahaya dengan sewajarnya dan mengikut undang-undang dan peraturan yang berkenaan.

## **MELABUR DALAM MASA DEPAN BEBAS KARBON**

Pembekal hendaklah berusaha untuk mengurangkan penggunaan tenaga, pelepasan gas rumah hijau, mengurangkan intensiti karbon, dan melabur dalam teknologi baharu dan skim pengimbangan. Pembekal hendaklah mengoptimumkan penggunaan sumber semula jadi. Pembekal digalakkan untuk mendapatkan kedudukan yang baik oleh Projek Pendedahan Karbon (CDP).

## **KOMUNITI**

SGS membantu mewujudkan komuniti yang lestari dengan menyediakan pekerjaan setempat dan menggalakkan orang ramai terlibat dalam projek setempat. Kami komited untuk memenuhi keperluan segera mangsa bencana alam dan buatan manusia. Kami percaya bahawa setiap orang mempunyai hak asasi untuk mendapatkan makanan, kesihatan, pendidikan, tempat tinggal dan perusahaan. Kami menyumbang kepada kebajikan masyarakat di mana kami beroperasi melalui pelaburan tempatan.

Oleh itu, kami mengharapkan para pembekal kami tidak hanya menyediakan pekerjaan tempatan tetapi juga untuk bekerjasama dengan kerajaan tempatan dan masyarakat untuk meningkatkan kesejahteraan pendidikan, kebudayaan, ekonomi dan sosial masyarakat di mana mereka tinggal dan berkhidmat.

## **PEMERKASAAN SOSIAL DAN PEMBANGUNAN SETEMPAT**

Pembekal hendaklah berusaha untuk menarik bakat tempatan dan membina hubungan yang menyumbang kepada ekonomi setempat.

## **KEADAAN KOMUNITI PENAMBAHBAIKAN KEHIDUPAN**

Pembekal digalakkan untuk melibatkan komuniti untuk membantu memupuk pembangunan sosial dan ekonomi dan menyumbang kepada kelestarian komuniti di mana ia beroperasi.

Pembekal hendaklah menyokong pekerja untuk melibatkan diri dalam inisiatif setempat yang meningkatkan kualiti hidup orang ramai.

Saya dengan ini mengesahkan penerimaan saya terhadap terma dan syarat dari Tatakelakuan Pembekal SGS (versi 3.0 - Mac 2024) dan bersetuju untuk menghormati dan mematuhiinya.

---

**PEMBEKAL**

---

**TANDATANGAN**

---

**JAWATAN**

---

**TARIKH**

# Rujukan

SGS telah merujuk kepada rujukan berikut untuk menyediakan Kod ini:

**TATAKELAKUAN INDUSTRI ELEKTRONIK**

[www.eicc.info/eicc\\_code.shtml](http://www.eicc.info/eicc_code.shtml)

**KOD AMALAN ILO DALAM KESELAMATAN DAN KESIHATAN**

[www.ilo.org/public/english/protection/safework/cops/english/ download/e000013.pdf](http://www.ilo.org/public/english/protection/safework/cops/english/download/e000013.pdf)

**KOD AMALAN ILO DALAM KESELAMATAN DAN KESIHATAN**

[www.ilo.org/public/english/standards/norm/whatare/fundam/index.htm](http://www.ilo.org/public/english/standards/norm/whatare/fundam/index.htm)

**ISO 26000**

**ISO 14001**

[www.iso.org](http://www.iso.org)

**KOD AMALAN ILO DALAM KESELAMATAN DAN KESIHATAN**

[www.oecd.org](http://www.oecd.org)

**OHSAS 18001:2007 - ISO 45001:2018**

[www.bsi-global.com/index.xalter](http://www.bsi-global.com/index.xalter)

**KONVENTSYEN BANGSA-BANGSA BERSATU MENENTANG RASUAH**

[www.unodc.org/unodc/en/corruption/index.html?ref=menuside8](http://www.unodc.org/unodc/en/corruption/index.html?ref=menuside8)

**KOMPAK GLOBAL BANGSA-BANGSA BERSATU**

[www.unglobalcompact.org](http://www.unglobalcompact.org)

**PANDUAN PRINSIP MENGENAI PERNIAGAAN DAN HAK ASASI MANUSIA BANGSA-BANGSA BERSATU**

[http://www.ohchr.org/Documents/Publications/GuidingPrinciplesBusinessHR\\_EN.pdf](http://www.ohchr.org/Documents/Publications/GuidingPrinciplesBusinessHR_EN.pdf)

**PENGISYTIHARAN UNIVERSAL HAK ASASI MANUSIA**

[www.un.org/Overview/rights.html](http://www.un.org/Overview/rights.html)

**DASAR KELESTARIAN SGS**

<http://www.sgs.com/en/Our-Company/Corporate-Sustainability/Reports-and-Policies.aspx>

**KOD INTEGRITI SGS**

<http://www.sgs.com/en/Our-Company/Compliance-and-Integrity/Code-of-Integrity.aspx>

**When you need to be sure**